

Inspirasi

Kreatif Menjana Informasi

BULETIN UPSI

BIL.03 / APRIL-JUN 2014



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
سُلْطَانِ اِيْدْرِيسَ اِيْدْرِيسِي
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

25th INTERNATIONAL INVENTION,
INNOVATION & TECHNOLOGY EXHIBITION

ALAM MUDA
AYA C
A C
eativ

Dr. Nor Azlina
**UPSI Lakar
Sejarah Di
ITEX 2014**



UPSI Meterai MoU
Bangun Portal Pembelajaran 10
Selami Budaya Bugis 20
UPSI Cemerlang Di MASUM 26



Assalamualaikum Wrt. Wbk.
Dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur kita kepada Allah SWT dengan limpah kurniaNya Buletin Inspirasi UPSI keluaran April – Jun 2014 dapat diterbitkan. Buletin Inspirasi adalah lidah rasmi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang menjana informasi-informasi agar

dapat dikongsikan bersama warga kampus khususnya dan masyarakat umumnya.


Demi menyahut seruan Naib Canselor UPSI, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa untuk memartabatkan universiti ke peringkat antarabangsa, pasukan penyelidik UPSI telah membuktikan keupayaan mereka menerusi kejayaan yang diperolehi di Pertandingan 25rd International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2014 baru-baru ini. Syabas dan tahniah diucapkan. Sememangnya kejayaan itu menggambarkan UPSI mampu bersaing di peringkat antarabangsa dalam usaha memacu ke arah Leading Education University.

Tidak lupa juga ucapan tahniah kepada 160 kakitangan UPSI yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013. Sesungguhnya anugerah itu membuktikan pihak universiti sentiasa mengiktiraf sumbangan dan pencapaian kakitangan. Adalah diharapkan anugerah yang diperolehi akan menjadi inspirasi kepada warga kerja universiti untuk meningkatkan kualiti dan mutu kerja di universiti ini.

Dalam pada itu, kita juga berbangga di atas pencapaian cemerlang pelajar UPSI di Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 1 2014. Selain daripada berjaya memikul tanggungjawab sebagai tuan rumah bagi penganjuran Sukan Karnival MASUM Fasa 1 2014 yang melibatkan 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Malaysia, UPSI telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan.

Akhir kata, sesungguhnya penglibatan semua pihak dalam usaha memartabatkan universiti ini amatlah dihargai dan marilah kita bersama-sama meneruskan kejayaan ini demi universiti yang kita sayangi.

D r. H ajah Z ainab Othman



Penasihat

Prof, Dato' Dr. Zakaria Kasa
Naib Canselor

Ketua Editor

Dr. Hajah Zainab Othman
Pengaroh, BKK

Editor

Ghazali Din
Sasigaran Moneyam
Datin Norhayati Hood

Wartawan

Ghazali Din
Sajarutul Nor Kasim

Penyumbang Bahan

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Pusat Sukan
Sekolah Makmal
Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan
Bahagian Komunikasi Korporat

Grafik dan Reka Letak

Mohd Akmanizam Abd Latiff
Nur Sya'ira Nor Ahmad

Jurugambar

Fisol Ahmad
Shahidah Abu Hassan
Nurul Hasniza Abdul Rashid

Edaran

Unit Media dan Penerbitan

Urus Setia

Maziah Zee Abdullah

Inspirasi diterbitkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat. Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan artikel yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Kami mengalu-alukan sumbangan berita, rencana dan karya kreatif untuk dimuatkan dalam Inspirasi dan boleh dikirimkan secara e-mel ke ccd@upsi.edu.my. Hubungi urus setia penerbitan di sambungan 5173 untuk pertanyaan.



NCRDC Anjur Simposium Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

National Child Development Research Centre (NCDRC) UPSI semakin mendapat kepercayaan daripada pelbagai pihak untuk menjalankan penyelidikan berhubung isu kanak-kanak dan pedagogi dalam usaha membangunkan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

Menurut Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, pihak PERMATA memberi kepercayaan kepada NCDRC untuk menjalankan saringan bagi kanak-kanak pintar berbakat 3-4 tahun.

"NCDRC akan membangunkan kurikulum bagi kanak-kanak pintar berbakat untuk diaplikasikan oleh guru-guru dalam proses mendidik kanak-kanak pintar cerdas yang memerlukan kaedah pendidikan berbentuk pecutan," katanya ketika berucap di Simposium Asuhan Dan Didikan Awal Kanak-Kanak 2014 yang berlangsung di Kompleks NCDRC, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI, Proton City pada 26 April 2014.

Selain itu, Prof. Dato' Dr. Zakaria berkata, NCDRC turut terpilih sebagai agensi kerajaan bagi menguruskan Pangkalan Data Kebangsaan Kanak-kanak 0-4 tahun.

"Maklumat yang dikumpulkan oleh pangkalan data ini amat berguna untuk keperluan perancangan strategik pembangunan pendidikan kanak-kanak di Malaysia. Data tersebut juga boleh digunakan untuk menghasilkan penyelidikan dan pembangunan polisi berkaitan kanak-kanak bagi keperluan masa depan mereka," katanya lagi.

NCDRC ditubuhkan dengan kebenaran Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Jun 2006 bertujuan mengendali dan menganjurkan penyelidikan berkaitan pendidikan awal kanak-kanak.



Sejak itu, NCDRC menerima pelbagai geran penyelidikan termasuklah geran bernilai RM2 juta daripada PERMATA, Economic Planning Unit (EPU) bernilai RM1.7 juta, UNICEFF RM90,000 dan juga daripada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sebanyak RM50,000.

Sementara itu, NCDRC juga telah berjaya menerbitkan jurnal kebangsaan dan antarabangsa selama dua tahun berturut-turut serta menerbitkan buku cerita kanak-kanak dengan kerjasama Alkem Singapura, buku ilmiah, monograf dan lain-lain.

NCDRC turut bergiat aktif menganjurkan program-program bersama Fakulti Pembangunan dan Pendidikan Manusia (FPPM), Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSKj), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), PERMATA PINTAR, SEGI College, NACEEM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) seperti forum bertajuk 'Memahami Kanak-Kanak dan Keperluan Mereka', aktiviti menarik seperti Bouncy Shark, Treasure Hunt, Fitness First, Fun Jumbo Games, Puzzle Me Up, Photo Booth, Car Boot Sale dan Little Chef.



UPSI Lakar Sejarah Di ITEX 2014

Pasukan penyelidik UPSI mencipta sejarah apabila merangkul pingat bagi semua penyertaan dalam setiap kategori yang dipertandingkan di 25rd International Invention, Innovation & Technology Exhibition 2014 (ITEX 2014) yang berlangsung pada 8 hingga 10 Mei 2014 di Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur.

Dalam pertandingan itu, UPSI membolot lapan pingat emas termasuk satu ITEX 2014 Special Awards - Best Green Award, lima pingat perak dan satu pingat gangsa. ITEX 2014 melibatkan penyertaan sebanyak 40 institut pengajian tinggi, agensi kerajaan dan antarabangsa serta mempertandingkan 23 kategori dan dua kategori untuk peserta berumur 20 tahun ke bawah.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB. Datuk Abu Bakar Mohamad Diah menyifatkan ITEX 2014 diadakan bagi menghimpunkan pelbagai ciptaan inovasi dari dalam dan luar negara termasuk Filipina, Indonesia dan Taiwan untuk dipamerkan dan sebagai langkah kerajaan untuk membangunkan aktiviti pengkomersilan dan program-program inovasi.

“Penganjuran ITEX 2014 ini dapat memberi peluang kepada peserta tempatan dan antarabangsa untuk mempamerkan hasil inovasi dan teknologi dari pelbagai sektor, kumpulan pakar dari bidang penyelidikan dan pembangunan, pembuatan, pembiayaan dan undang-undang,” katanya ketika merasmikan ITEX 2014.



SENARAI PEMENANG 25RD INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION & TECHNOLOGY EXHIBITION 2014 (ITEX 2014)

EMAS

Dr. Nor Azlina Hasbullah (Ketua), Prof. Madya Dr. Mohammad Mohd Lassim, Muhammad Al-Amin Mazlan, Siti Zubaidah Lood, Omar Salleh - *Artificial Seeds of Some Economical Important Crops Fortified with Bio-Organic Wastes (SPECIAL AWARD Best Green Award)*

Profesor Dato' Dr. Noraini Bt. Idris, Dr. Nor'ain Binti Mohd. Tajudin, Pn. Raja Lailatul Zuraida Binti Raja Maamor Shah, Dr. Leong Kwan Eu, Dr. Suzieleez Syrene Abdul Rahim, Mohd Hafiszudin Bin Ab Samad, Mary Ann Serdina Parrot - *Teaching And Learning Mathematics Using Ti- Nspire Cx*

Prof. Madya Dr. Ahmad Zamzuri Mohamad Ali (Ketua), Siti Rosminah Md Derus, Dr. Che Zalina Zulkifli - *InterViz: Hardware-Software Interfacing Visualizer*

Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi Sedon @ M. Dom (Ketua), Prof. Madya Dr. Tajul Shuhaizam Said, Abu Bakar Sabran, Mohamad Hassan, Siti Fazlina Isnin - *Screen Paste*

Dr. Tan Wee Hoe (Ketua), Dr. Nurul Fazmidar bt. Mohd Noor, Dr. Wang Yanzhen, Assoc. Prof. Dr. Ahmad Zamzuri b. Mohd Ali, Yeong Kok Han, Wong Luhuei, Liew Chun Han - *TRIZzle: Learning Theory of Inventive Problem Solving Through a Mobile Puzzle Game*

Nurul Fadly Habidin (Ketua), Mohd Saiful Azuar Abdul Soter, Mohd Zaini Zainudin, Mohd Hafiz Roslan, Aqmar Nur Izzah Norazlan, Mohf Fahmy Aualudin - *Business Excellence Plan Applications (BEPA) Entrepreneur Solution and Improvement Tool*

Farah Shafill Bt Mohamad Kasim (Ketua), Nur Hidayah Bt Othman, Mohd Azuwan B Mat Zulkipli, Norzaliza Bt Mohd Ayub, Mas Shalizatul Shafiqah Bt Alias, Nur Fakriah Bt Abdullah - *E-Admission*

Profesor Madya Dr. Ismail B. Zainol, Mohamad Syahrizal Ahmad, Che Nor Aiza Jaafar
Natural Hydroxyapatite As Calcium Source In Water Filter Applications

PERAK

Mohd Izwan Bin Shahril (Ketua), Dr. Norkhalid Bin Salimin - *PINGO ('Play it n Get Outcome')*

Prof. Madya Dr. Suriani Binti Abu Bakar (Ketua), Nurhafizah Binti Md Disa, Dr. Azmi Bin Mohamed, Prof. Madya Dr. Ilyas Bin Md Isa, Prof. Dr. Mohamad Rusop Bin Mahmood - *New And Simple Approach Of Graphene-Latex Nanocomposites Production For Supercapacitor Application*

Dr. Jane Teng Yan Fang (Ketua), PM Dr. Qismullah Yusof, & Thuraiya Zakaria - *A New Model On Disaster Preparedness*

Dr Azmi Mohamed (Ketua), Dr Suriani Abu Bakar; Prof Julian Eastoe; Dr Azira Aziz; Dr Azlan Kamari; Dr Norhayati Hashim; Dr Noorshida Mohd Ali; Assoc. Prof. Dr Ilyas Md Isa
G-TeC: Green Conductive Wire From Biohydrocarbon Precursor

Rusliza Yaacob (Ketua), Siti Sumaizan Ramli, Khairul Asyrani Sulaiman, Afzanizam Dullah Hashim - *SiberPROP: Online Course Application and Analysis System*

GANGSA

Dr. Noorshida Mohd Ali (Ketua), Prof. Michael D. Ward, Prof. Madya Dr. Ilyas Md Isa, Dr. Daniel Sykes, Dr. Norhayati Hashim, Dr. Azmi Mohamed & Dr. Azlan Kamari - *IrIII/EuIII DYADS : White Light Emission for Fluorescent Lamp*



Majlis Menandatangani MoA Antara UPSI Dengan Kolej Perkembangan Awal Kanak-Kanak (KPAKK)

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

Bagi mengukuhkan lagi 'niche' Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai sebuah universiti pendidikan di Malaysia, UPSI dan Kolej Perkembangan Awal Kanak-Kanak (KPAKK) telah memeterai memorandum perjanjian pengendalian program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-Kanak) dengan Kepujian secara mod sepenuh masa pada 2 April 2014.

Menurut Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, dengan termeterainya kerjasama tersebut, ia membuka ruang yang lebih jelas dan luas kepada kedua-dua belah pihak untuk terus menerokai bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak ini dengan lebih mendalam.

"Saya secara peribadi amat berbesar hati dengan pemeteraian MoA ini. Usaha ini sebenarnya antara langkah terbaik universiti untuk memperkukuhkan lagi 'niche' UPSI sekaligus dapat merealisasikan hala tuju UPSI untuk menjadi Peneraju Universiti Pendidikan (Leading Education University in Asia (menjelang tahun 2020 kelak.

"Saya meletakkan kepercayaan dan keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan Kolej ini untuk menjalankan

program francais UPSI ini, memandangkan kemudahan dan fasiliti yang disediakan begitu baik dan mantap dengan wujudnya dua lokasi pembelajaran iaitu di Damansara Damai dan juga di Bukit Merah.


"Saya mendapati Kolej ini juga begitu popular dengan program sedia ada diperingkat diploma iaitu Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak, di mana graduan Diploma PAKK ini nanti boleh diterima masuk ke UPSI bagi meneruskan pengajian di peringkat ISM berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh senat UPSI," katanya pada Majlis Menandatangani MoA antara UPSI Dengan Kolej Perkembangan Awal Kanak-Kanak.

Tambah beliau, walaupun pelaksanaan program tersebut dijalankan oleh KPAKK, aspek kualiti akan tetap dijaga dan dipantau sepenuhnya oleh pihak UPSI seperti mana yang digariskan dalam Garis Panduan Program Francais yang telah diluluskan oleh Senat dan LPU UPSI.

"Penilaian ke atas kawalan dan jaminan mutu ini akan dilakukan oleh Panel Penilai Francais yang telah dilantik oleh Senat UPSI. Antara penilaian yang akan dibuat adalah menyentuh aspek kemasukan pelajar, pengajaran dan pembelajaran, peperiksaan, tenaga pengajar dan pengurusan akademik program tersebut.

"Justeru, bagi memastikan graduan yang dihasilkan mempunyai nilai tambah dan memenuhi kebolehpasaran graduan, UPSI dan pihak Kolej akan menjalankan program pembangunan sahsiah pelajar, kegiatan kokurikulum, sukan dan sosial yang setanding dengan pelajar-pelajar sedia ada di kampus UPSI dan para pelajar juga layak bergraduat," katanya.

Program francais atau kerjasama secara francais di UPSI telah mula dilaksanakan dengan Program Pensiswazahan Guru (PPG) yang dijalankan secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) berdasarkan komitmen kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (2011) di mana UPSI telah menjalankan program ini secara francais dengan Universiti Sains Malaysia dan Kirkby International College.



UPSI Meterai MoU Bersama Majlis Amanah Rakyat

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

UPSI dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) pada 14 April 2014 bagi mengukuhkan lagi kerjasama kedua-dua belah pihak melalui pelbagai bidang yang bakal dirancang dan dilaksanakan.

Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata, beliau amat berbangga dan berbesar hati atas kerjasama dan kepercayaan yang diberikan oleh pihak MARA kepada UPSI selama ini.

"Antaranya melalui persetujuan dan kelulusan pihak MARA melepaskan dua graduan tajaan MARA untuk berkhidmat sebagai Guru Bahasa Cina di Jabatan Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) UPSI pada 1 Ogos 2013 tahun lalu. Mereka dijadualkan akan mengikuti program Sarjana pada tahun hadapan melalui skim penajaan biasiswa SLAB anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia/UPSI bagi memenuhi criteria lantikan sebagai pensyarah dalam bidang bahasa Cina, dan seterusnya ke peringkat PhD," katanya ketika berucap di Majlis Menandatangani MoU Antara MARA dan UPSI yang berlangsung di Ibu Pejabat Mara, Kuala Lumpur.

Selain itu, pihak MARA juga akan terus mengadakan hubungan dan kerjasama lain dengan UPSI, termasuk program pensarjanaan guru-guru MARA khususnya dalam bidang fizik di UPSI.

Perundingan bagi kerjasama tersebut telah dijalankan pada 5 Mac 2014 dan dijangka seramai 40 orang guru MARA akan mengikuti program Sarjana ini secara mod campuran iaitu kerja khusus dan penyelidikan. Perbincangan susulan mengenai urusan pentadbiran dan logistik sedang diperhalusi dan diharap dapat dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Tambah beliau, sebelum termeterainya

perjanjian MoU pada petang itu, pihak MARA dan UPSI turut membincangkan beberapa persefahaman awal antaranya, berkaitan pendidikan, penyelidikan dan perkongsian pengetahuan, cadangan meningkatkan kemahiran pedagogi guru/pengajar Pusat Giat Mara dengan kerjasama Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UPSI serta cadangan pelaburan dan pembangunan di kampus baharu UPSI, di Proton City, (bagi meningkatkan nilai hartanah).

Hadir sama Ketua Pengarah MARA, Datuk Ibrahim Ahmad; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPSI, Prof. Dr. Omar Abdull Kareem; Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni) UPSI, ACP (K) Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Junaidi Abu Bakar; Pendaftar UPSI, Dato' Rusley Taib.



UPSI Meterai MoU Bangun Portal Pembelajaran

UPSI menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama KNeoWORLD Inc. (KNeoWORLD) bagi membangunkan portal pembelajaran berasaskan permainan digital pada 28 April yang lalu.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPSI, Prof. Dato' Dr. Noraini Idris berkata, kerjasama itu berupaya meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap permainan digital berasaskan sains dan teknologi menerusi penyelidikan, latihan dan penerbitan.

"Kerjasama ini turut melibatkan penganjuran pembelajaran menggunakan aplikasi sama kepada guru dan pelajar yang mengikuti program di bawah Sekolah Bitara dan Sekolah Makmal UPSI," katanya dalam majlis menandatangani MoU tersebut di UPSI.

Sehubungan itu, beliau berkata, UPSI berhasrat menerokai potensi pengkomersialan produk KNeoWORLD dalam sistem pendidikan Malaysia yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

MoU UPSI bersama KNeoWORLD adalah MoU kedua UPSI bersama syarikat permainan antarabangsa. KNeoWORLD ialah sebuah syarikat penerbitan permainan untuk pendidikan di bawah Entellecct Limited, Australia yang bertapak di San Francisco bagi menerokai

potensi pembelajaran berasaskan permainan di Silicon Valley, California, Amerika Syarikat.

Dalam majlis tersebut, UPSI diwakili oleh Prof. Dato' Dr. Noraini Idris sementara KNeoWORLD diwakili oleh Ketua Pengawai Eksekutifnya, James Kellett dan Michael Hynes merangkap Pegawai Kewangan Korporat.

"Perjanjian ini dimeterai lanjutan pelantikan Timbalan Pengarah Makmal Penyelidikan Pendidikan UPSI, Dr. Tan Wee Hoe sebagai perunding dalam bidang pembelajaran berasaskan permainan kepada KNeoWorld sejak November 2011," tambah Dato' Noraini.

Beliau berkata, pelantikan itu sekali gus merupakan satu pengiktirafan kepada UPSI yang menjadi salah satu peneraju kepada pusat pengajian permainan berasaskan pendidikan di rantau ini.

UPSI terdahulu telah menandatangani MoU bersama syarikat permainan antarabangsa, Codemasters Studios pada 2013 bagi meningkatkan lagi kualiti pembelajaran permainan digital di persada antarabangsa.





UPSI Jalin Kerjasama dengan HIJRAH WATER SDN. BHD.

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

Hasil penyelidikan pensyarah Fakulti Seni dan Matematik UPSI, Prof. Madya Dr. Ismail Zainol membangunkan bahan Hidroksi Apatit (HAp), iaitu sebatian mineral yang larut dalam air untuk menghasilkan ion kalsium menggunakan sisik ikan Tilapia berjaya menarik minat Hijrah Water Sdn. Bhd. (HWSB) untuk memeterai perjanjian persefahaman bagi memasarkan penapis air terbaharu mereka iaitu Hijrah Bio Marine H-A-p menggunakan inovasi tersebut.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa mengulas, kebanyakan bahan HAp untuk penapis air yang berada di pasaran diekstrak daripada tulang haiwan sama ada daripada tulang lembu atau khinzir. Malah pakar-pakar perubatan turut meragui keselamatan penggunaan bahan HAp daripada tulang haiwan akibat penularan penyakit berasaskan haiwan seperti penyakit kuku dan mulut (MFD) dan penyakit lembu gila (mad cow disease).

"Sebaliknya bahan HAp berasaskan sisik ikan yang dibangunkan ini bukan sahaja halal malah menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada bahan HAp berasaskan tulang haiwan di mana ia dapat menghasilkan ion kalsium yang tinggi apabila dilalukan dengan air.

"Prestasi baik Hidroksi Apatit berasaskan sisik ikan ini kerana struktur bahan Hidroksi Apatit daripada sisik ikan yang mengandungi bahan yang dikenali sebagai beta tri-kalsium fosfat akan meningkatkan keterlarutan Hidroksi Apatit yang tinggi," katanya sewaktu berucap di Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara UPSI dengan Syarikat Hijrah Water Sdn. Bhd. pada 18 Jun 2014 bertempat di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning, UPSI.

Tambah beliau, bahan ini tidak dijumpai di dalam tulang haiwan malah sisik ikan juga tidak menunjukkan penyakit berasaskan virus merbahaya seperti tulang haiwan.

"Bahan HAp biasa digunakan dalam penapis air adalah berbentuk manik sfera namun dalam inovasi tersebut, manik yang berporositi atau berliang dihasilkan agar molekul air dapat melalui liang-liang manik HAp dan melarutkan kandungan kalsium.

"HAp juga dikenal pasti dapat menyerap logam-logam berat dalam air di samping dapat meningkatkan kejernihan air," ujar beliau lagi.

Sementara itu, Pengerusi HWSB, Tuan Haji Mohamad Haji M. Said berkata, keunikan dan revolusi sistem penapis tersebut bakal dikongsi bersama dengan pasaran luar dan sasaran penjualan produk tersebut akan dapat diperluaskan hingga ke Brunei, Singapura, Filipina, Indonesia dan negara Timur Tengah pada penghujung 2015.

Dalam pada itu, inovasi yang dihasilkan oleh Prof. Madya Dr. Ismail bersama En. Mohamad Syahrizal Ahmad (UPSI) dan Dr. Che Nor Aiza Jaafar (Universiti Putra Malaysia) ini turut mendapat pengiktirafan antarabangsa, dengan memenangi pingat emas di pameran 25th International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2014 (ITEX 2014) yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Center pada 9 Mei yang lalu.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris, Dekan Fakulti Sains dan Matematik, Prof. Madya Dr. Zulkifley Mohamed dan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Madya Dr. Tajul Shuhaizam Said.



Kolokium Pentaksiran Pendidikan

Oleh: Sajarutul Nor Kasim

“Pentaksiran amat mempengaruhi pembelajaran. Pentaksiran yang berkesan ialah pentaksiran yang boleh membantu dan meningkat pencapaian pembelajaran. Pentaksiran bukan sekadar membantu pentaksir mengumpul maklumat tentang aras pengetahuan atau kemahiran pelajar pada akhir sesuatu tempoh pembelajaran dengan tujuan mengklasifikasikan pelajar berusaha untuk mencapai matlamat pembelajaran yang ditetapkan malah aspek ini membolehkan guru-guru dan ibu bapa membantu pelajar mencapai matlamat pembelajaran.”, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir.

Demikian petikan ucapan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir ketika merasmikan Upacara Penutupan Kolokium Pentaksiran Pendidikan 2014 yang berlangsung pada 19 Jun 2014, bertempat di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil, UPSI.

Tambah Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, bagi membantu guru untuk meningkatkan tahap literasi pentaksiran mereka, KPM menyediakan pelbagai program persediaan guru termasuklah program latihan dan sokongan, bahan-bahan pengajaran dan pentaksiran serta buku panduan.

“Antara hasil usaha untuk menangani masalah dan persoalan yang timbul ialah Dokumen Standard Prestasi (DSP) dipermudahkan kepada Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (PPPM). Guru-guru juga tidak perlu menyediakan Fail Perkembangan Murid dan Rekod Transit dan guru tidak perlu mengisi dan merekodkan penilaian pelajar ke dalam sistem komputer berpusat iaitu Sistem Pengurusan PBS (SPPBS),” ujar beliau.

“Perekodan perkembangan pembelajaran dan prestasi murid akan dibuat mengikut kesesuaian waktu dan kaedah pentaksiran guru sendiri. Peperiksaan berpusat iaitu Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) juga akan ditukar kepada Peperiksaan Tingkatan 3 (PT3) yang lebih sesuai dengan konsep PBS yang dilaksanakan di peringkat sekolah,” katanya lagi.

Berdasarkan kajian dalam bidang pendidikan, mendapati pentaksiran amat penting untuk pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Hasil kajian juga mendapati bahawa guru-guru yang berkesan adalah guru-guru yang mentaksir pelajar-pelajar mereka secara berterusan ke arah matlamat pembelajaran. Pentaksiran ini sekaligus membolehkan guru berkenaan menyesuaikan pengajaran mereka berdasarkan maklumat daripada pentaksiran yang dibuat.

Kolokium anjuran Makmal Penyelidikan Pendidikan UPSI ini diadakan bertujuan menyediakan platform bagi mendedah dan membincangkan pelaksanaan PBS yang telah ditambah baik, mencetuskan dialog tentang kesediaan guru dalam melaksanakan PBS dengan berkesan, dan mendapatkan cadangan strategi alternatif penambahbaikan pelaksanaan sistem pentaksiran berkualiti di sekolah.

Hadir sama ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPSI, Prof. Dato' Dr. Noraini Idris dan Pengarah Program, Prof. Madya Dr. Nurulhuda Abd Rahman.





ANUGERAH PERKHID UPSI



OMATAN CEMERLANG

2013



160 KAKITANGAN UPSI TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Seramai 160 kakitangan UPSI menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013, peringkat universiti sempena Majlis Perhimpunan Bulanan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 yang diadakan pada 16 April 2014 bertempat di Auditorium Utama, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa hadir untuk menyampaikan anugerah itu, berupa sijil dan wang tunai sebanyak RM1,000.00 kepada kakitangan UPSI yang cemerlang sepanjang tahun 2013. Pada majlis itu, seramai 53 orang daripada kakitangan akademik dan 107 orang daripada kakitangan pentadbiran menerima anugerah tersebut.

Dalam pada itu, UPSI turut memberi sijil penghargaan kepada 1,369 orang kakitangan, iaitu 82% daripada jumlah keseluruhan kakitangan yang memperoleh markah penilaian prestasi 85% ke atas.

Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa dalam ucapannya berkata, semua kakitangan UPSI perlu memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik kepada semua pelanggannya serta bekerja keras untuk UPSI dengan niat yang ikhlas menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah S.W.T.

"Kualiti perkhidmatan kelas dunia seharusnya menjadi penanda aras kepada semua kakitangan supaya sesiapa sahaja yang berurusan dengan UPSI akan mendapat

layanan yang cekap dan mesra khususnya sepanjang perjalanan UPSI untuk menjadi Peneraju Universiti Pendidikan di Asean dan di Asia menjelang tahun 2015 dan 2020," kata Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa.

Sementara itu, salah seorang penerima anugerah, Dr. Mohd. Zahuri bin Khairani, Pensyarah Fakulti Sains, Komputeran dan Industri Kreatif, ketika ditemu bual berkata anugerah itu merupakan motivasi untuknya lebih tekun bekerja pada masa akan datang.

"Anugerah ini juga merupakan sumber inspirasi kepada semua penerima yang telah menunjukkan prestasi terbaik sepanjang perkhidmatan mereka di UPSI," katanya.

En. Amirul Fadzlishah bin Mat Basri, Pembantu Operasi di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, pula berkata pengiktirafan itu amat bermakna sepanjang kerjayanya di UPSI dan berjanji untuk terus maju.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Omar Abdull Kareem, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), ACP (K) Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Junaidi Abu Bakar dan Pendaftar, Dato' Rusley Taib.







Persidangan Meja Bulat Bincang Arah Tuju Institusi Pondok

Sistem pengajian pondok merupakan antara institusi pengajian Islam yang bersifat tidak formal dan mempunyai pengaruh yang besar dalam kalangan masyarakat Melayu. Sistem pengajian pondok mula berkembang sejak abad ke-18 Masihi hingga ke abad ke-20 Masihi.

Pada zaman kegemilangannya dahulu, institusi pondok ini amat berpengaruh dan memberikan kesan yang cukup besar dalam melahirkan tokoh-tokoh ulama dan tokoh-tokoh agama yang berwibawa di Malaysia, Thailand dan Indonesia.

Sehubungan itu, bagi mengembalikan kegemilangan institusi tersebut, UPSI mengambil inisiatif menganjurkan program Perbincangan Meja Bulat, "Transformasi Sistem Pendidikan Pondok Di Malaysia" yang diadakan pada 22 Mei 2014 bertempat di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata, kesinambungan dan legasi kecemerlangan institusi pondok di Malaysia perlu diteruskan dan di arus perdanakan supaya institusi ini tidak terkubur atau ditinggalkan oleh generasi akan datang.

"Hasrat kami adalah untuk mengangkat sistem tradisional pendidikan pondok sedia ada ke dalam suasana



kampus universiti yang seiring dengan perkembangan pendidikan semasa.” Justeru katanya lagi, pihak UPSI dengan berbesar hati menyediakan tanah seluas 25 ekar di Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI, Proton City untuk membangunkan projek akademi pondok.

Sementara itu, YB Senator Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim, Pengerusi Eksekutif Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia, dalam ucapan perasmiannya berkata, program ini wajar diteruskan sebagai platform untuk meningkatkan kerjasama pintar antara pentadbir institusi pondok di peringkat serantau di samping mewujudkan perkongsian maklumat dan pengalaman berkaitan pondok di Nusantara.

“Kesungguhan UPSI menganjurkan program sebegini amat dihargai dan program ini juga boleh menjadi medan perbincangan untuk meningkatkan penglibatan industri dalam penggubalan kurikulum dan latihan kemahiran bagi lepasan pondok yang lebih efektif,” katanya selaku penguceptama dan perasmi Perbincangan Meja Bulat ini.

Hadir sama Ahli Lembaga Pengarah UPSI merangkap Presiden Persatuan Alumni Suluh Budiman, Dato’ Haji Ahmad Hj. Burak; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Omar Abdull Kareem serta beberapa panel pembentang jemputan daripada Thailand, Gontor, Aceh dan juga Malaysia.



UPSI Lancar Penanaman Pokok Karas

"Generasi muda seharusnya diberi pendedahan tentang konsep hijau ini. Anak-anak muda harus digalakkan mencintai alam yang hijau dan sayangkan alam sekitar mereka. Dalam satu kajian mendapati 52% pelajar sekolah tidak pernah melakukan atau tidak tahu aktiviti pemuliharaan sebegini. Lebih mengejutkan lagi ialah 81% guru beranggapan aktiviti sebegini adalah membebankan. Banyak usaha perlu dijalankan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu ini," ucap Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa pada majlis Perasmian Pelancaran Penanaman dan Penyelenggaraan Pokok Karas yang berlangsung pada 24 Mei 2014 bertempat di Tapak Perkemahan Pusat Kokurikulum, Kampus Sultan Azlan Shah.

Sehubungan itu, mulai tahun 2013 UPSI mengambil inisiatif menjalankan kerjasama bersama Malaysian Timber Industry Board (MTIB) dan TESCO (Malaysia) bagi mewujudkan sebuah ladang karas di atas tanah di UPSI.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata, kerjasama tersebut merupakan satu perkongsian pintar yang melibatkan entiti pendidikan, syarikat swasta dan agensi kerajaan dalam usaha menggembelengkan pakar-pakar dan tenaga mahir daripada semua pihak.

"Selain dari mewujudkan persekitaran kampus yang hijau, usaha-usaha penyelidikan mengenai karas dan hasil gaharu dapat ditingkatkan dan dimanfaatkan oleh masyarakat," katanya.

Tambah beliau, bagi menjayakan hasrat tersebut,

pihak UPSI telah melantik Syarikat Al-Hilmi Agrofarm Sdn. Bhd. sebagai kontraktor dalam kerja-kerja menanam dan menyelenggara pokok karas yang berjumlah 25,000 batang.

Terdahulu, UPSI bersama pihak MTIB dan TESCO telah memeterai satu memorandum perjanjian berhubung penyediaan tapak tanaman, khidmat nasihat dan kepakaran pengurusan ladang karas bagi tujuan menanamkan semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan warga kampus khususnya dan masyarakat umumnya.

Perjanjian yang dimeterai pada 28 April 2013 lalu memutuskan bahawa UPSI menyediakan tapak tanaman, MTIB bertanggungjawab menyalurkan bantuan khidmat nasihat daripada aspek teknikal (proses penanaman pokok, kualiti tanah serta proses inokulasi) dan kepakaran dalam menguruskan ladang karas manakala pihak TESCO membekalkan benih pokok karas sebanyak 25,000 batang anak benih beserta baja bagi tujuan penyelenggaraan permulaan untuk tempoh dua tahun.



UTeKS Anjur Outreach Linus Berpusat Daerah Batang Padang 2014



Kaunseling
Diet



Ujian Audiometri 1



Terapi
Carakerja 1



Unit Terapi Dan Khidmat Sokongan (UTeKS), Jabatan Pendidikan Khas, Fakulti Pendidikan Dan Pembangunan Manusia (FPPM) UPSI menganjurkan program 'Outreach LINUS' pada 16 April 2014 bertempat di UTeKS, Blok 9, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI, Proton City.

Program anjuran bersama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Pejabat Kesihatan daerah Batang Padang itu bertujuan membantu mengesahkan diagnosis murid-murid selain memberi kesedaran kepada ibu bapa dan guru akan kepentingan saringan ini.

Menurut Ketua Jabatan Pendidikan Khas FPPM, Dr. Kannamah a/p Mottan, program saringan Literasi dan Numerasi (Program LINUS) NKRA telahpun dilaksanakan di semua sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan mulai bulan Januari tahun 2010.

"Bagaimanapun, bagi sesi saringan kali ini, seramai 35 orang murid dikenal pasti dalam hasil saringan sebelumnya (saringan 2, 2013) bersama guru masing-masing. Saringan ini dijalankan oleh doktor perubatan (KKM) dan para terapis dari UPSI dan KPM. Majoriti murid yang terlibat adalah komuniti orang Asli dari seluruh daerah Batang Padang," katanya lagi ketika berucap pada Majlis Penutup Program 'Outreach' LINUS.

Program 'Outreach' LINUS menempa sejarah dalam pelaksanaan program saringan yang diadakan buat pertama kalinya secara berpusat di IPTA umumnya dan di UTeKS, UPSI khususnya. Kelengkapan bilik-bilik dan instrumen penyaringan menjadikan program itu lebih lancar, mudah dan seterusnya dapat membantu murid-murid yang mengalami masalah LINUS.



Kolaborasi Seni Antarabangsa Ketengah Idea Baharu Karya Seni

Seramai 78 pelajar dari UPSI dan Universiti Thaksin, Thailand menyertai program Kolaborasi Seni Antarabangsa Siri 2 dalam usaha mengetengahkan idea dan bakat-bakat baharu gabungan karya seni dua negara.

Program dua hari yang bermula pada 16 hingga 17 Mei 2014 dianjurkan oleh Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, UPSI dengan kerjasama Fakulti Seni Halus, Universiti Thaksin, Pejabat Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Perak dan Balai Seni Visual Negara juga bertujuan memberi pendedahan kepada peserta tentang kekayaan warisan negara Malaysia yang boleh dijadikan sumber inspirasi dalam penghasilan hasil karya seni yang bermutu tinggi.

Selain itu, peserta program berpeluang untuk sama-sama berkongsi ilmu dan pengalaman dalam bidang seni supaya martabat dan nilai seni dapat dipertingkatkan.

Menurut Dekan Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif UPSI, Dr. Maizatul Hayati Mohamad Yatim, program itu melibatkan 33 pelajar dan sembilan pensyarah dari Universiti Thaksin dan 45 pelajar UPSI.

“Kesemua peserta berkampung selama dua hari di

UPSI bagi menjayakan program ini,” katanya di Majlis Penutup Program Kolaborasi Seni Antarabangsa Siri 2 yang berlangsung di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI.

Tambah Dr. Maizatul Hayati Mohamad Yatim, program itu diadakan susulan daripada Program Kolaborasi Seni Antarabangsa Siri 1 yang berlangsung di Universiti Thaksin, Songkhla, Thailand pada 4 hingga 7 November 2013 lalu.

Majlis perasmian penutup program telah disempurnakan oleh Exco Negeri Perak, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pelancongan Dan Kebudayaan Negeri Perak, YB Dato' Nolee Ashilin Dato' Mohamed Radzi.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri Perak, En. Mohamad Kamil Shafie; Penolong Presiden Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Thaksin, Songkhla, Thailand, Dr. Thaweesak Putsukee; Dekan Fakulti Seni Halus, Universiti Thaksin, Songkhla, Thailand, Mr. Chinoros Roongsakul; Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Perak, En. Syahrudin Abdul Hamid; YDP Majlis Daerah Tanjong Malim, En. Khairul Anwar Ramli.



Selami Budaya Bugis

Oleh: Ghazali Din

Institut Peradaban Melayu (IPM), UPSI dengan kerjasama Yayasan Ikatan Rakyat Malaysia-Indonesia (YIRMI), Yayasan Warisan Negara Jabatan Warisan Negara, Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA), Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA), Perbadanan Muzium Melaka, Persatuan Bugis Negeri Johor, Persatuan Melayu Bugis Selangor serta Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) mengadakan program Menjejak Sejarah dan Warisan Bugis di Melaka, Johor dan Selangor pada 17 hingga 23 Jun 2014.


Pengarah IPM, Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar berkata, program itu bertujuan memberi peluang kepada peserta mendalami budaya, peradaban, sosial, ekonomi, politik dan sejarah masyarakat Bugis.

"Peserta juga dapat meninjau asimilasi masyarakat Bugis di Malaysia dan Indonesia yang berasal daripada satu rumpun yang sama dalam memupuk keharmonian bersama masyarakat asal dan membina jati diri dalam konteks negara bangsa serta melihat semangat masyarakat Bugis yang dipupuk melalui jati bangsa Melayu yang bertemakan patriotisme sebagai khazanah utama dalam peradaban Malaysia.

"Masyarakat Bugis berperanan dalam mengembangkan sosio politik dan ekonomi," katanya.

Program di bawah naungan Penasihat Sosio-Budaya Kerajaan Malaysia, Tan Sri Dr. Rais Yatim itu, diadakan di beberapa lokasi termasuklah Kompleks Seni Muara Sungai Duyong, melawat Perkampungan Bugis dan Menyusur Sungai Rambai; kunjungan di Rumah Bugis Cikgu Abd Hadi dan Pertemuan dengan Masyarakat Bugis Pontian, Johor, Perkampungan Bugis di Umbai, Sarkam, Teluk Masi, Tambak Bugis serta melawat Perkampungan Hang Tuah.

Delegasi Bugis dari Sulawesi yang turut serta juga dibawa melawat Expo Pertanian dan Kompleks Sejarah di Melaka, bertemu dengan TYT Yang DiPertua Negeri, di Istana Melaka seterusnya bertemu masyarakat Bugis di Kuala Selangor dan Kuala Linggi.



Pertandingan Orkestra Pop Patriotisme Kebangsaan 2014

Status sekolah harian biasa dengan peralatan muzik yang agak uzur bukan penghalang bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 11 (1), Putrajaya untuk muncul sebagai juara baharu Pertandingan Orkestra Pop Patriotisme Kebangsaan 2014 yang berlangsung pada 21 Jun yang lalu di UPSI.

Menurut Pengetua, Puan Sri Halimah Abdul Majid, sesuatu kejayaan yang dicapai tidak semestinya berlandaskan status sekolah sebaliknya usaha dan kecekalan berterusan mampu melahirkan sesuatu yang boleh dibanggakan

"Kami bukan sekolah elit, bahkan sehingga kini kami masih menggunakan alat muzik yang agak uzur. Namun, ia tidak menghalang kami untuk melahirkan satu pasukan orkestra yang bagus," katanya.

Selain pernah berdepan kekecewaan dan hampir berputus asa untuk meneruskan impian mewujudkan pasukan itu kerana kekurangan dana bagi memiliki peralatan muzik, pasukan beliau turut menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar.

Pada tahun 2009, sekolah itu akhirnya mendapat peruntukan daripada Kementerian Pendidikan untuk melengkapkan peralatan muzik sebelum lahirnya sebuah pasukan penuh.

Beliau turut berkongsi kegembiraan kerana hasil titik peluhnya sejak tahun 2005 kini membuahkan kejayaan cemerlang sekaligus menjadikan pasukan orkestra sekolahnya pasukan yang digeruni di peringkat sekolah menengah.

Pasukan orkestra ini mengalahkan lima pasukan orkestra sekolah lain yang mempunyai nama besar termasuk sekolah berstatus kluster, sekolah berasrama penuh dan premier yang turut serta dalam pertandingan ini.



UPSI CEMERLANG DI MASUM

UPSI selaku tuan rumah dinobatkan sebagai johan keseluruhan Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (MASUM) Fasa 1 2014 dengan kutipan pingat 14 emas, sembilan perak dan 10 gangsa.

Kejayaan itu membuktikan atlet UPSI berupaya mengekalkan prestasi yang boleh melayakkan mereka menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) atau negara ke temasya Sukan SEA akan datang.

“Saya yakin berdasarkan prestasi dan keupayaan yang ditunjukkan, ada atlet yang mencapai tahap kelayakan mewakili negeri dalam Sukan Malaysia (SUKMA) atau negara ke temasya Sukan SEA akan datang,” kata Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) UPSI, ACP (K) Prof. Madya Dato’ Paduka Dr. Junaidi Abu Bakar ketika ditemu bual di Majlis Penutup Sukan MASUM Fasa 1.

UPSI mencatatkan kejayaan gemilang dalam Karnival Sukan MASUM dengan menewaskan 19 institusi pengajian tinggi awam lain.

Sehubungan itu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) pula menduduki tempat kedua apabila meraih sembilan pingat emas, 11 perak dan tujuh gangsa sementara tempat ketiga ialah Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kutipan empat

Pungutan Pingat Keseluruhan Karnival Sukan MASUM Fasa 1 2014

IPTA	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
UPSI	14	9	10	33
UITM	9	11	7	27
UMP	4	3	2	9
UPM	4	2	2	8
UPNM	3	7	3	13
USM	3	2	3	8
UKM	3	2	3	8
UM	3	1	4	8
UIAM	2	1	8	11
UTHM	1	3	5	9
UNIMAP	1	1	1	3
UMK	1	0	2	3
UTEM	1	0	1	2
UMT	1	0	0	1
UUM	0	3	6	9
UTM	0	2	4	6
UMS	0	2	1	3
USIM	0	1	2	3
UNIMAS	0	0	0	0
UNISZA	0	0	0	0
	50	50	64	164

emas, tiga perak dan dua gangsa.

Kejohanan yang berlangsung dari 5 hingga 13 April disertai lebih 3,000 atlet dan 200 pegawai daripada IPTA seluruh negara dan sebanyak 51 pingat emas dipertaruhkan pada kejohanan itu membabitkan 11 acara antaranya badminton, ping pong, hoki depan, sepak takraw, ragbi, softball, dan catur.

Temasya Sukan MASUM Fasa 1 diakhiri dengan upacara penyerahan bendera MASUM oleh Naib Canselor UPSI, Prof. Dato’ Dr. Zakaria Kasa kepada wakil Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang menjadi tuan rumah bagi Karnival Sukan MASUM Fasa 2, 2014 pada November ini.

Hadir sama ialah Ahli Lembaga Pengarah Universiti merangkap Ketua Kontigen UPSI, Dato’ Haji Ahmad Haji Burok, Dekan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan UPSI, Dr. Julisma Jani, Jawatankuasa Teknikal MASUM, Tn. Haji Abdul Malik Abdul Ghani serta pegawai-pegawai dari setiap institusi pengajian tinggi.





En. Tony Azman Hassan bersama Pengarah Pusat Sukan, Universiti Teknologi Malaysia Melaka (UTeM) bergambar kenangan dengan pasukan badminton UPSI sewaktu majlis penyampaian hadiah di Stadium Tertutup Proton City, Tanjung Malim. Pasukan badminton UPSI berjaya merangkul pingat gangsa kategori berpasukan lelaki.



Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa menyampaikan Piala Iringan dan Piala Pusingan kepada wakil pasukan badminton Universiti Malaya setelah dinobatkan juara keseluruhan badminton kategori lelaki dan wanita MASUM Fasa 1 2014.



Kontijen UPSI dalam Majlis Penutup MASUM Fasa 1 di Auditorium Utama UPSI.



Ketua pasukan Bola Baling UPSI DAN UiTM menerima Piala Pusingan serta Piala Iringan daripada Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa setelah dinobatkan Juara Keseluruhan Bola Baling MASUM Fasa 1 2014.



Tetamu jemputan hadir memeriahkan Majlis Penutup MASUM Fasa 1 di Auditorium Utama UPSI.



Pasukan Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi MARA menerima Piala Pusingan serta Piala Iringan daripada Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa.



Sebahagian atlit Universiti Malaysia Kelantan sewaktu Majlis Penutup MASUM Fasa 1 2014.



Atlit Badminton sedang beraksi dalam perlawanan akhir sukan MASUM Fasa 1 di Gelanggang Badminton Tertutup Proton City, Tanjung Malim.